


ERA BARU

DATE: 29/6/2007



“...ramai daripada mereka sendiri yang bosan dengan usaha ini dan sebenarnya menghalang proses memajukan orang Melayu”- Tun Dr Mahathir Mohamad

# APA GUNA SEBAGAI PM - Dr Mahathir Mohamad

“APALAH gunanya menjadi Perdana Menteri jika hasil kepimpinan saya ialah bangsa saya yang lemah, tidak bertanggungjawab, tidak bersemangat, tidak sanggup bekerja dan menghadapi cabaran hidup dan menjadikan agama sebagai hiasan yang dipakai dan bukan sebagai panduan untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Benar kita sudah mencapai sedikit kemajuan, tetapi kita lihat sekarang bagaimana minat untuk meneruskan usaha menjayakan agenda ekonomi bumiputera sudah berkurangan.

Orang Melayu sudah berasa begitu terselamat

Era Baru - 29/6/2007.  
dengan kemajuan yang sedikit yang mereka telah capai sehingga bukan sahaja mereka tidak mahu meningkatkan lagi usaha mereka atau meneruskan usaha di tahap sekarang tetapi ramai daripada mereka sendiri yang bosan dengan usaha ini dan sebenarnya menghalang proses memajukan orang Melayu.

Mereka lebih asyik mengecam Dasar Ekonomi Baru kerana kononnya menguntungkan hanya segelintir kroni pemimpin kerajaan”.

Kata-kata Dr Mahathir membawa maksud mendalam untuk diberi perhatian oleh orang-orang Melayu.